

MENGENAL DAN MENULIS HURUF B DAN D MELALUI KAEDAH LEGOTU BAGI MURID PEMULIHAN

Lim Ai Wen

Tel: +6019-7629336 Email: louisaaaiwen32@gmail.com

Dr. Zanaton Hj Iksan

Tel: +6019-6004627 Email: zanaton.iksan@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaya, UKM Bangi

ABSTRAK

Kajian tindakan ini bertujuan untuk membantu murid pemulihan dapat mengenal dan menulis huruf abjad b dan d melalui kaedah LEGOTU. Kaedah ini mempunyai tiga proses iaitu LE (Lekat), peserta kajian lekat kertas pelekat atas lembaran huruf b dan d yang disediakan, GO (Gores), menggunakan duit syiling dan gores dua keping kad huruf dan TU (Tulis), menuliskan suku kata dan perkataan yang mempunyai huruf b dan d dalam lembaran kerja dan buku bergaris empat. Data yang dikumpulkan adalah catatan pemerhatian video, temu bual bersama guru Bahasa Malaysia, guru Bahasa Inggeris, guru kelas dan analisis dokumen iaitu lembaran kerja. Semua data yang terkumpul ini dianalisis menggunakan kaedah tematik. Dapatan kajian menunjukkan kaedah LEGOTU dapat membantu murid mengenal huruf b dan d melalui 'lekat dengan fokus', 'lekat dengan kemas', 'lekat ikut urutan bentuk', 'lekat dengan cepat', 'gores dengan cepat', dan 'gores dengan berhati-hati' sehingga murid dapat menyebut huruf b dan d dengan betul dan sebutan yang jelas. Kaedah ini juga membantu murid menulis huruf b dan d dengan 'betul' dan 'kemas' dalam lembaran kerja dan buku bertulis.

Kata Kunci : *Murid Pemulihan, Kemahiran Mengenal Dan Menulis, Huruf B Dan D, Kaedah Tematik, Kaedah LEGOTU*

PENGENALAN

Kemahiran prabacaan diperkenalkan kepada kanak-kanak sejak dari peringkat awal lagi dan diutamakan terutamanya di prasekolah. Namun, masih terdapat segelintir kanak-kanak yang tidak dapat menguasai kemahiran ini terutamanya bentuk huruf abjad yang seakan sama seperti b, d, p, q, m dan n. Masalah ini menyebabkan mereka menghadapi kesukaran dalam menguasai kemahiran membaca dan menulis.

Antara punca yang dikenalpasti adalah mereka lemah dalam pengamatan penglihatan dan pendengaran sehingga menyebabkan mereka sukar mengenal dan membunyikan huruf abjad tersebut. Ini memberikan impak besar kepada murid untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis. (Ghani dan Aznan 2013).

Walaupun terdapat pelbagai teknik pengajaran diperkenalkan seperti teknik nyanyian, kaedah fonik, kaedah pandang sebut tetapi bukannya semua sesuai diaplikasikan kepada setiap murid. Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran masing-masing. Farhanaa (2013) menyatakan gaya belajar seseorang merangkumi pemikiran luaran, dalaman dan cara bertingkah laku yang membenarkan pembelajaran berkesan diperoleh iaitu pembelajaran yang berkesan dapat mencungkil pemikiran kreatif dan kritis dalam mengolah suatu ilmu mengikut keperluan.

Strategi pembelajaran melibatkan elemen visual, auditori, kinestetik yang amat behubung kait dengan peningkatan dalam pencapaian akademik secara langsungnya. Maka, guru perlu peka terhadap keperluan dan perkembangan murid dari semasa ke semasa. (Aliza Alias,2014).

Justeru, kajian ini menggunakan intervensi yang mengutamakan pembelajaran autentik di mana murid belajar melalui pengamatan penglihatan dan sentuhan sepanjang masa bagi mengenal dan menulis huruf abjad yang seakan sama.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian tindakan ini adalah:

- i. Mengenal pasti masalah mengenal dan menulis huruf b dan d dalam kalangan murid pemulihan.
- ii. Membantu murid pemulihan dapat mengenal dan menulis huruf b dan d melalui kaedah LEGOTU.


PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian tindakan ini adalah:

- i. Bagaimanakah masalah mengenal dan menulis huruf b dan d dalam kalangan murid pemulihan dapat dikenalpasti?
- iii. Bagaimanakah membantu murid pemulihan dalam mengenal dan menulis huruf b dan d melalui kaedah LEGOTU?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian tindakan ini adalah berlandaskan pada model Kurt Lewin (1946) dan Laidlaw (1992) yang mempunyai 5 langkah iaitu mengenal pasti masalah, merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Kita boleh melihat proses tindakan model ini seperti pada Rajah 1.






Rajah 1: Proses Penyelidikan Tindakan Model Kurt Lewin 1946 dan Laidlaw (1992)

Langkah permulaan, masalah peserta kajian dapat dikenalpasti melalui tiga jenis sumber dapatan data iaitu pemerhatian video, temu bual dan analisis dokumen. Langkah kedua, pengkaji merancang tindakan dengan mereka cipta satu intervensi yang dikenali sebagai LEGOTU (LEKAT, GORES, dan TULIS). Kaedah ini adalah kombinasi teknik bermain dan teknik pengamatan yang dijalankan secara serentak bagi membantu murid mengenal huruf b dan d seterusnya membantunya menulis huruf b dan d dengan betul.

Terdapat tiga proses dalam kaedah LEGOTU iaitu Proses LE, kertas pelekat yang berunsur 3D disediakan untuk dilekatkan pada kertas lembaran huruf b dan d. Proses GO, dua kad huruf b dan d yang disalut dengan satu lapisan cat disediakan. Peserta kajian perlu goreskan kedua-dua kad itu dengan duit syiling. Selepas itu, dia melihat huruf yang muncul pada kad semula lalu menyebutkan huruf yang dilihat. Dalam proses ini, peserta kajian boleh mengenal huruf sambil bermain dan merasai huruf dengan lebih mendalam.

Proses TU, buku bergaris empat dan lembaran kerja disediakan. Selepas melalui proses LE dan GO, peserta kajian perlu menuliskan huruf b dan d dalam buku yang disediakan. Bagi meningkatkan cabarannya, huruf, suku kata dan perkataan yang mempunyai huruf b dan d akan disebutkan oleh pengkaji kepada peserta kajian. Jadi, dia perlu tuliskan huruf berdasarkan bunyi yang diperdengarkan dalam dua bahan yang disediakan. Proses melaksanakan kaedah LEGOTU seperti pada Jadual 1.

Jadual 1: Proses Pengaplikasian Kaedah LEGOTU

<p>1. Aktiviti (LE)</p> 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru menyediakan kertas pelekat kecil kepada murid. 2. Guru meminta murid untuk melekatkan kertas pelekat atas huruf b dan d yang disediakan. 3. Murid melekatkan kertas pelekat atas huruf dengan penuh. 4. Guru meminta murid menyentuh huruf b dan d berdasarkan kertas pelekat atas huruf tersebut secara perlahan-lahan sambil menyebut huruf yang disentuh.
<p>2. Aktiviti (GO)</p> 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru menyediakan dua kad yang mempunyai huruf b dan d. 2. Guru menyediakan duit syiling kepada murid. 3. Guru meminta murid menggoreskan kedua-dua kad dengan berhati-hati. 4. Murid menggoreskan kad itu lalu menyebutkan huruf yang muncul atas kad tersebut.
<p>3. Aktiviti (TU)</p> 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru meminta murid menuliskan huruf b dan d berdasarkan yang diperdengarkan. 2. Murid menuliskan suku kata dan perkataan yang mempunyai huruf b dan d berdasarkan sebutan guru dalam buku bergaris tiga dan lembaran kerja yang disediakan.

Langkah tiga dalam Model Kurt Lewin 1946 dan Laidlaw (1992), bertindak iaitu kaedah LEGOTU dijalankan bersama peserta kajian sepanjang masa. Dalam langkah ini, ketiga-tiga proses dalam LEGOTU dijalankan dengan sepenuhnya dan langkah empat iaitu pemerhati pun dijalankan pada masa yang sama. Cara pemerhatian adalah melalui rakaman pemerhatian video dan analisis dokumen. Sesi temu bual dijadikan sebagai data sokongan supaya kongruen dengan data pemerhatian video dan analisis dokumen yang dicatatkan.


Langkah lima, refleksi dijalankan pada setiap akhir tindakan berdasarkan data yang dikumpul dan diperhatikan. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti masalah atau kelemahan yang muncul semasa kaedah LEGOTU diaplikasikan dan membuat penambahbaikan sebelum memulakan tindakan yang kedua.

DAPATAN KAJIAN

a. Mengenal Pasti Masalah Mengenal Dan Menulis Huruf B dan D Dalam Kalangan Murid Pemulihan.

Masalah peserta kajian dapat dikenalpasti melalui pemerhatian video dan analisis dokumen iaitu sebelum kaedah LEGOTU diaplikasikan, peserta kajian belajar dalam keadaan yang tertekan dan ketakutan kerana takut dimarah dan teragak-agak semasa menjawab soalan pengkaji. Peserta kajian tidak dapat membaca suku kata dan perkataan yang terdapat dalam buku dengan lancar. Dia membaca secara tersekat-sekat semasa melihat suku kata atau perkataan yang mempunyai huruf b dan d.

Pada analisis dokumen, peserta kajian tidak dapat menulis huruf b dan d yang diperdengarkan dan hanya meneka huruf sepanjang proses menulis suku kata yang diperdengarkan. Rajah 2 menunjukkan perbezaan tulisan peserta kajian dan arahan guru yang diberikan dalam analisis dokumen. Kesalahan yang dilakukan adalah 'da' menjadi 'ba', 'de' ditulis 'be', 'du' ditulis 'bu', 'lembu' ditulis menjadi 'lemdu'. Ini menunjukkan bahawa peserta kajian tidak mengenal bentuk dan bunyi huruf b dan d dengan sepenuh lagi.



Rajah 2: Perbezaan tulisan peserta kajian dan arahan guru yang diberikan.

Seterusnya, hasil temu bual bersama tiga orang guru juga membuktikan bahawa peserta kajian menghadapi kesukaran untuk mengenal dan menulis huruf b dan d dengan betul. Jadual 2 menunjukkan masalah yang didapati semasa peserta kajian menulis huruf b dan d daripada hasil temu bual guru.

Jadual 2: Kesalahan-kesalahan dalam menulis huruf b dan d dengan betul berdasarkan hasil temu bual sebelum pelaksanaan kaedah LEGOTU.

Temu bual	Guru 1	Guru 2	Guru 3
Saiz huruf tidak menepati saiz yang sepatutnya.	/	/	/
Campuran huruf besar dan kecil dalam tulisan.	/	/	/
Keliru bunyi huruf b dan d semasa menulis.	/	/	/
Hasil tulisan yang tidak kemas.	/	/	/


Penerangan : Dalam jadual 2 tanda (/) menunjukkan senarai kesalahan yang dijumpai oleh guru.

b) Mengenal Dan Menulis Huruf B dan D Melalui Kaedah LEGOTU

Persoalan kajian kedua, peserta kajian boleh mengenal dan menulis huruf b dan d dengan betul kerana telah melalui tiga aktiviti dalam kaedah LEGOTU iaitu Aktiviti LE, GO dan TU. Aktiviti LE


(Lekat), peserta kajian telah melekat huruf b dan d dengan kertas pekat yang disediakan. Tema yang dikenal pasti dalam aktiviti LE ialah ‘lekat dengan kemas’, ‘lekat dengan fokus’, ‘lekat dengan cepat’, ‘lekat ikut bentuk huruf’.

Kemudian, dalam Aktiviti GO (Gores), tema yang dikenal pasti ialah ‘gores dengan cepat’, dan ‘gores dengan berhati-hati’ iaitu pengkaji menyediakan dua kad huruf b dan d. Peserta kajian goreskan dua kad itu dengan duit syiling lalu menyebutkan huruf yang dilihat berdasarkan kad itu. Setelah melalui Aktiviti LE dan GO, peserta kajian dapat mengenal huruf b dan d kerana dia dapat menyebut semula huruf b dan d dengan ‘sebutan yang jelas’, dan ‘suara yang kuat’. Rajah 3 menunjukkan dua aktiviti yang dijalankan iaitu Aktiviti LE dan GO bagi membantu peserta kajian mengenal huruf b dan d dengan betul.



Rajah 3: Proses mengenal huruf b dan d melalui Aktiviti LE dan GO.

Seterusnya, Aktiviti TU (Tulis), pengkaji menyediakan lembaran kerja dan minta peserta kajian menuliskan ejaan yang betul berdasarkan arahan pengkaji. Tema yang dikenal pasti ialah ‘tulis dengan betul’ dan ‘tulis dengan kemas’. Rajah 4 menunjukkan peserta kajian dapat menulis perkataan yang mempunyai huruf b dan d dengan betul.




Rajah 4: Tulisan peserta kajian yang kemas dan huruf b dan d ditulis dengan betul dalam buku tulisan.

Berdasarkan hasil dapatan daripada pelaksanaan tindakan pertama, pengkaji mendapati kaedah LEGOTU dapat dilaksanakan dengan lebih baik supaya dapat membantu peserta kajian mengenal dan menulis huruf b dan d dengan betul. Oleh itu, pengkaji telah membuat pengubahsuaian sebelum memulakan tindakan kedua.

Antara perubahan yang terdapat dalam Aktiviti LE, adalah menukarkan saiz kertas pekat yang lebih besar bagi memudahkan peserta kajian melekat atas huruf b dan d. Kedua, menyediakan kertas pekat yang berlainan warna agar peserta kajian dapat mengenal huruf b dan d dengan lebih jelas. Ketiga,


menyediakan lembaran huruf yang mempunyai anak panah agar peserta kajian melekat dengan berpandu. Rajah 5 menunjukkan perubahan dalam Aktiviti LE pada tindakan pertama dan kedua.



Rajah 5a) Saiz kertas pekat yang kecil yang disediakan pada tindakan pertama.

5b) Saiz kertas pekat yang lebih besar dan huruf b dan d yang beranak panah disediakan pada tindakan kedua.

Perubahan dalam Aktiviti GO adalah menukarkan saiz duit syiling yang lebih besar supaya peserta kajian tidak memegang duit syiling dengan sekuat-kuatnya semasa menggores kad huruf b dan d itu. Rajah 6 menunjukkan duit syiling 10 sen disediakan semasa tindakan pertama dan duit syiling 50 sen disediakan pada tindakan kedua.




Rajah 6: Perbezaan saiz duit syiling yang digunakan semasa tindakan pertama dan tindakan kedua.

Namun, pengkaji mengekalkan cara pelaksanaan Aktiviti TU iaitu menggunakan lembaran kerja dan buku bertulis yang sama seperti pada tindakan pertama.

Hasil dapatan tindakan kedua adalah sama seperti tindakan pertama yang dijalankan. Peserta kajian dapat mengenal dan menulis huruf b dan d dengan betul melalui kaedah LEGOTU. Aktiviti LE, tema yang dikenal pasti adalah 'lekat dengan kemas', 'lekat dengan fokus', 'lekat dengan cepat', 'lekat ikut bentuk huruf'. Berdasarkan dapatan data daripada pemerhatian video dan temu bual guru, mendapati bahawa peserta kajian lebih dapat mengenal huruf b dan d dengan lebih baik setelah saiz dan warna kertas pekat ditukarkan serta peserta kajian melekat huruf b dan d dengan terarah.

Dalam Aktiviti GO, tema yang dikenal pasti ialah 'gores dengan cepat' dan 'gores dengan berhati-hati'. Peserta kajian menggores kad huruf b dan d dengan cepat semasa menggunakan duit syiling 50 sen dan tidak memegang duit syiling dengan sekuat hati berbanding tindakan pertama kerana saiz duit syiling lebih besar dan mudah dipegang semasa menggores. Rajah 7 menunjukkan Aktiviti LE dan GO membantu

peserta kajian dapat mengenal huruf b dan d dengan lebih baik pada tindakan kedua tetapi tema yang sama masih muncul seperti pada tindakan pertama.



(a)




(b)

Rajah 7a) Peserta kajian dapat mengenal huruf b dan d dengan lebih baik setelah saiz dan warna kertas pelekat diubahsuai serta melekat huruf secara terarah.


7b) Peserta kajian gores kad huruf dengan cepat setelah menggunakan saiz duit syiling yang lebih besar.

Seperti pada tindakan pertama, peserta kajian boleh mengenal huruf b dan d dengan betul setelah melalui Aktiviti LE dan GO kerana boleh menyebut semula huruf dengan ‘sebutan yang jelas’ dan ‘suara yang kuat’. Rajah 8 menunjukkan proses peserta kajian dalam mengenal huruf b dan d dengan betul dalam kedua-dua tindakan.




Rajah 8: Tema mengenal huruf b dan d melalui kaedah LEGOTU.

Seterusnya, dalam Aktiviti TU (Tulis), tema yang dikenal pasti adalah ‘tulis dengan kemas’ dan ‘tulis dengan huruf yang betul’. Peserta kajian boleh menulis suku kata dan perkataan yang diperdengarkan dalam lembaran kerja dan buku bertulis dengan betul berdasarkan arahan guru seperti tindakan pertama. Rajah 9 menunjukkan hasil tulisan adalah sama seperti arahan guru.



Rajah 9: Hasil tulisan peserta kajian yang kemas dan bentuk huruf b dan d ditulis dengan betul dalam lembaran kerja dan buku bertulis.

Justeru, peserta kajian boleh menulis huruf b dan d dengan betul setelah melalui Aktiviti LE dan GO, membantunya mengenal huruf dahulu dan menyebut semula huruf dengan ‘sebutan yang jelas’ dan ‘suara yang kuat’ sehingga boleh menulis huruf tersebut dengan ‘betul’ dan ‘kemas’. Rajah 10 menunjukkan proses peserta kajian dalam menulis huruf b dan d dengan betul.



pasti setelah melalui proses mengenal huruf b dan d melalui Aktiviti LE dan GO.

PERBINCANGAN

Peserta kajian telah menguasai kemahiran mengenal dan menulis huruf b dan d melalui kaedah LEGOTU dengan sepenuhnya selepas menjalankan dua kali tindakan. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan analisis tematik berdasarkan catatan pemerhatian video, temu bual dengan guru Bahasa Melayu, guru Bahasa Inggeris dan guru kelas. Dalam kemahiran mengenal, peserta kajian telah melalui Aktiviti LE dan GO, iaitu lekatkan kertas pekat atas huruf b dan d dan sentuh semula huruf berdasarkan lembaran huruf itu sambil bunyikan huruf. Kemudian, peserta kajian goreskan dua kad huruf yang disediakan dengan duit syiling lalu menyebut semula huruf yang tertimbul pada kad tersebut.

Kajian ini disokong Melodie (2014) iaitu kanak-kanak mudah mengenal melalui pembelajaran *multisensori* yang membolehkan mereka belajar melalui pengamatan deria penglihatan dan sentuhan sepanjang proses pembelajaran. Ini relevan dengan kajian Mokhtar et al.(2014) bahawa pembelajaran yang efektif adalah secara ‘merasai’ kemahiran tersebut berbanding dengan kaedah pembelajaran tradisional. Gaya pembelajaran setiap murid berbeza akan mempengaruhi tahap penguasaan suatu kemahiran yang dipelajari. Proses pembelajaran juga akan berubah daripada negatif kepada positif sekiranya keperluan murid dicapai optimumnya. (Abu Bakar, 2018). Oleh itu, kemahiran mengenal

memerlukan hubungan rapat antara pengamatan lihat dan sentuhan bagi murid dapat mengenal huruf dengan mendalam dan boleh menyebut huruf semula dengan betul dan sebutan yang jelas.

Pada kemahiran menulis, peserta kajian dapat menuliskan suku kata dan perkataan yang mempunyai huruf b dan d berdasarkan arahan guru dengan betul dalam lembaran kerja dan buku bergaris tiga. Aktiviti tulis adalah proses terakhir dalam kaedah LEGOTU bagi membantu murid menulis huruf b dan d dengan huruf yang betul dan kemas. Huruf boleh ditulis dengan betul setelah murid telah mengenal bentuk dan bunyi setiap huruf dengan sepenuhnya pada peringkat awal lagi. (Cynthia, Yaacov, Christopher 2014). Kekemasan tulisan perlu dititikberatkan untuk memudahkan proses baca dan menjamin kebersihan tulisan, jarak antara huruf dan perkataan dan disokong oleh Siti dan Rakiyah (2013) bahawa masalah kekemasan tulisan murid pemulihan diatasi dengan berkesan dengan menggunakan kaedah kotak bergrid dan buku bergaris empat. Oleh itu, kajian ini juga menggunakan buku bergaris empat bagi memudahkan peserta kajian menuliskan huruf b dan d dengan betul atas garisan yang disediakan.

Kesimpulannya, tema 'lekat dengan fokus', 'lekat dengan kemas', 'lekat ikut urutan bentuk huruf', 'lekat dengan cepat' dicerap dalam Aktiviti LE (Lekat), tema 'gores dengan cepat', 'gores dengan berhati-hati' dicerap dalam Aktiviti GO (Gores) membolehkan peserta kajian mengenal huruf b dan d iaitu dia dapat 'sebut huruf dengan betul' dan 'sebutan yang jelas'. Tema 'tulis dengan huruf yang betul', 'tulis dengan kemas' dicerapkan dalam Aktiviti TU (Tulis) membolehkan murid menulis huruf b dan d dengan baik. Tema-tema ini ditemui secara konsisten melalui data dalam dua kali tindakan dan dapat menjawab dua persoalan kajian dengan sepenuhnya.

RUMUSAN

Kesimpulannya, kaedah LEGOTU telah membantu peserta kajian mengenal dan menulis huruf b dan d dengan betul dan dibuktikan melalui tiga aktiviti iaitu Lekat, Gores dan Tulis. Walaupun terdapat pengubahsuaian kaedah selepas menjalankan tindakan pertama tetapi kita masih boleh melihat tema yang sama dikenalpasti dalam dua kali tindakan yang dilaksanakan.

Dalam kemahiran mengenal, tema yang dicerapkan dalam Aktiviti LE (Lekat) ialah 'lekat dengan fokus', 'lekat dengan kemas', 'lekat dengan ikut urutan bentuk', 'lekat dengan cepat'. Aktiviti GO (Gores), tema ialah 'gores dengan cepat', 'gores dengan berhati-hati'. Berdasarkan dua aktiviti ini membolehkan peserta kajian 'sebut huruf dengan betul' dan 'sebutan yang jelas' dalam proses mengenal huruf b dan d.

Setelah melalui Aktiviti LE dan GO, tema dalam Aktiviti TU ialah 'menulis huruf dengan betul', 'menulis huruf dengan kemas'. Dapatan tema-tema ini adalah melalui proses traingulasi melalui data catatan pemerhatian video, transkrip temu bual bersama tiga orang guru dan analisis dokumen iaitu lembaran kerja dan buku bertulis.

RUJUKAN

1. Abu Bakar, A.Y., & Zakaria, Z. (2018). *Counselling Services For Gifted Students In Malaysia: A Qualitative Explorataion*. International Journal Of Engineering And Technology (UAE), 7(2), 66-69. [Online]:<https://Doi.Org/10.14419/Ijet.V7i2.10.10957> (akses pada 1 September 2018)
2. Abd Majid, R., Mohd.Ali, M., & Alias, A. (2014). *Teacher Character Strengths And Talent*

- Development*. International Education Studies, 7(13), 175-183.
3. Cynthia S. Puranik, Yaacov Petscher, dan Christopher J. Lonigan. (2013). *Dimensionality And Reliability Of Letter Writing In 3- To 5-Year-Old Preschool Children*. HHS PUBLIC ACCESS: 28: 133–141.
 4. John W. Creswell & Cheryl N. Poth. (2013). *Qualitative Inquiry Research Design Choosing Among Five Approaches*. Amerika: SAGE Publications, Inc.
 5. Kurt Lewin. Groups, *Experiential Learning And Action Research*. Web. (1946).
[Online]: <http://infed.org/mobi/kurt-lewin-groups-experiential-learning-and-action-research/>.
(Akses 1 April, 2017)
 6. Ku Ali @ Ku Johari, K.S., Bruce, M.A., & Amat, M.I. (2014). *The Effectiveness Of Child-Centered Play Therapy Training In Malaysia*. Asian Social Science, 10(7), 221-233.
 7. Mahzan Bin Arshad, Chee Sook Ching. (2017). Penilaian Semula Pengajaran Dan Pembelajaran Pembacaan Awal. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan. ISSN 2289-3032
 8. Melodie De Jager. (2014). *The Importance Of Sensory- Based Learning*. Johannesburg: Mind Moves Institute
 9. Mohd Mokhtar Tahar, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Hasnah Toran, Lokman Tahir, Suriawati Nawawi. (2014). *Learning Station Method In Special Education Programs For Students With Learning Disabilities*. Pertanika Journal Of Social Science And Humanities, 22(3), 717-728
 10. Mohd Zuri Ghani, Aznan Che Ahmad, Zainuddin Mohd Isa. (2013). Masalah Pembelajaran. Penang: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
 11. Nurul Farhanaa Binti Anwar. (2013). Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Aliran Vokasional. Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional.
 12. Peter Rumney, Joy Buttress, Iryna Kuksa. (2016). *Seeing, Doing, Writing: The Write Here Project*. Sgo. Sagepub.Com
 13. Thomas R. Lindlof & Bryan C. Taylor. (2011). *Qualitative Communication Research Methods*. Amerika: Sage Publications, Ltd.
 14. Stacy D. Thompson, Jill M. Raisor. (2013). *Meeting The Sensory Needs Of Young Children*. [Online]: [Www.Naeyc.Org/Yc](http://www.naeyc.org/Yc). (Akses pada 1 April 2013)
 15. Siti Amira Azahar & Rakiyah Ali. (2013). Mengatasi Masalah Kekemasan Tulisan Menggunakan Kaedah Kotak Bergrid Dan Buku Bergaris Empat Bagi Murid Pemulihan Tahun 3. Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP 2013, M/S 86-95
 16. Yuvanashiree Nanbalagan. (2012). Meningkatkan Kekemasan Tulisan Melalui Teknik Garisan Berwarna. Seminar Penyelidikan Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar M/S 9-47.